

Pengadang jalan rosak diganti



Chee Heng (kanan) ketika membuat tinjauan ke kawasan pemasangan pengadang jalan baharu di beberapa kawasan Telok Bunut, semalam.



Besi pengadang yang rosak memberi risiko kemalangan kepada pengguna jalan raya.

TELOK BUNUT - Masalah pengadang jalan yang dilanggar di sini telah diambil perhatian dan dipulihkan pihak bertanggungjawab.

Adun Telok Datok, Loh Chee Heng berkata, sebelum ini masalah itu telah diadukan penduduk dan peniaga di kawasan itu akibat insiden kemalangan melibatkan kenderaan melanggar pengadang berkenaan sehingga menyebabkan kecederaan.

"Selepas aduan disalurkan kepada

jurutera daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Majlis Daerah Kuala Langat, kerja-kerja pembaikan dijalankan segera.

"Pihak berkenaan telah menggantikan pengadang itu segera bagi menepis tanggapan masyarakat yang mengatakan kerja pembaikan diambil sambil lewa sahaja.

"Bagaimanapun, susulan laporan yang saya adukan semalam (kelmarin) pihak yang terlibat segera memulakan

penggantian pengadang yang baharu bagi meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya," katanya.

Menurutnya, pengadang jalan yang hilang sebelum ini dipercayai rosak dan berkarat dilanggar oleh kenderaan yang melalui kawasan itu.

"Dalam kejadian itu, jabatan terlibat turut menerima aduan pembonceng basikal terjatuh ke dalam longkang besar dan mengalami

kecederaan.

"Saya kesal dengan apa yang berlaku namun mujur tiada kemalangan nyawaberalaku. Bagaimanapun inisiatif pihak bertanggungjawab dalam menyegerakan pembaikan perlu dipantau," katanya.



CHEE HENG